

Media Prima meriahkan bulan merdeka

BH-29/7/2006

PUTRAJAYA: Sambutan menjelang ulang tahun merdeka ke-50 anjuran Kumpulan Media Prima Bhd (Media Prima) akan dibuat dalam tiga fasa mulai bulan ini hingga Disember dengan program televisyen 'Emergency' yang akan ditayangkan pada 14 Ogos.

Program lapan episod itu diterbitkan berdasarkan buku *The Malayan Emergency Revisited 1948-1960: A Pictorial History* karya Lt Kol (B) Mohd Azzam Mohd Hanif Ghows.

Pengarah Urusan Kumpulan yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Media Prima, Abdul Rahman Ahmad, berkata penerbit program itu sudah mengadakan penggambaran di dalam dan luar negara termasuk menemui askar British di London.

Katanya, rancangan itu bertujuan menyemarakkan lagi kebanggaan setiap warga negara ini terhadap tanah air dan kejayaan negara menjelang

sambutan ulang tahun kemerdekaan ke-49 pada 31 Ogos ini.

"Fasa kedua bermula Januari hingga Jun dengan usaha mencetuskan semangat agar setiap warga negara Malaysia yakin masyarakat kita boleh bersaing di peringkat global.

"Fasa ketiga yang bermula Julai hingga Disember 2007 akan membantu memartabatkan negara di mata dunia," katanya selepas majlis pelancaran logo dan program sambutan menjelang ulang tahun merdeka ke-50 di sini, semalam.

Majlis pelancaran itu disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Sambutan dengan tema Makmur Bersama Malaysia dan Dunia itu bertujuan membina rasa bangga rakyat terhadap negara serta mencetus inspirasi, rakyat untuk bertindak global.

Sementara itu, Ketua Pegawai Ek-

sekutif Kumpulan Rangkaian Televisyen Media Prima, Datuk Farid Ridzuan, berkata idea mengadakan sambutan panjang itu lahir dua tahun lalu selepas melihat sambutan perayaan besar di luar negara yang diadakan sepanjang tahun.

Katanya, sambutan kemerdekaan negara ke-50 patut diraikan secara besar-besaran kerana kejayaan itu menjadi satu titik-tolak penting yang akan memberi kesan psikologi kepada rakyat pelbagai kaum.

Beliau berkata, kejayaan pengisian kemerdekaan sebelum ini patut dijadikan panduan untuk bergerak maju supaya rakyat dapat bersaing pada peringkat global.

"Dalam fasa kedua dan ketiga tahun depan, kita menganjurkan pameran bergerak jenama dan produk Malaysia di beberapa bandar utama seperti New York, London dan Sydney.

"Kita mahu industri kecil dan se-

derhana tempatan menggunakan pameran ini untuk memperkenalkan produk mereka pada peringkat antara-bangsa," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif The New Straits Times Press (NSTP), Datuk Syed Faisal Albar, berkata NSTP menawarkan kekayaan arkib di Pusat Sumbernya untuk menjayakan program sambutan kemerdekaan negara ke-50.

Katanya, arkib NSTP mempunyai simpanan gambar dan teks yang meliputi pelbagai bidang sejak zaman sebelum merdeka untuk dimanfaatkan dalam promosi dan penulisan program terbabit.

Beliau berkata, akhbar di bawah Kumpulan NSTP iaitu *Berita Harian*, *Harian Metro*, *New Straits Times* dan *Malay Mail* juga akan membantu promosi program sambutan berkenaan.

Oleh Mohd Feroz Abu Bakar